

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN**  
**HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]**  
**TARIKH : 02.04.2014 (RABU)**

**YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menangani kenaikan harga barang di pasaran akibat manipulasi oleh 'distributor'.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kenaikan harga barang di pasaran akibat manipulasi oleh sesetengah pengedar (*distributor*) mungkin disebabkan oleh peningkatan dalam kos pengeluaran atau mungkin juga disebabkan oleh aktiviti anti persaingan oleh para peniaga termasuk pakatan atau perjanjian sesama peniaga (kartel) dalam menaikkan harga sesuatu barangan dan juga penyalahgunaan kuasa pasaran yang dimiliki oleh sesetengah peniaga di seluruh rangkaian perniagaan.

Sehubungan itu, bagi membentaras aktiviti anti persaingan ini yang sememangnya jika tidak dibendung ternyata akan memberi kesan negatif kepada para pengguna negara, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melalui penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta ini) semenjak 1 Januari 2012 telah bertungkus lumus menjalankan pelbagai aktiviti penguatkuasaan bagi membentaras aktiviti anti persaingan oleh para peniaga yang tidak bertanggungjawab. Keberkesanan usaha MyCC dapat dilihat dengan keputusan penuh dan cadangan-cadangan keputusan yang telah dikeluarkan oleh pihak MyCC. Baru-baru ini pada 20 Februari 2014, pihak MyCC telah mengeluarkan satu cadangan keputusan terhadap 26 pengeluar ais yang telah didapati menjalankan satu aktiviti pakatan harga di bawah seksyen 4(2)(a) Akta ini. Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa pengilang-pengilang ais ini telah bersetuju untuk menaikkan harga sebanyak RM 0.50 bagi setiap beg

tiub ais dan RM 2.50 bagi setiap blok ais. Jika pakatan sesama pengeluar ais ini tidak dibendung ianya ternyata akan memberi impak negatif kepada seluruh rangkaian permintaan produk ais dan akan memberi kesan kepada kenaikan harga makanan dan minuman.

Di samping itu, pihak MyCC juga telah menjalankan beberapa aktiviti penguatkuasaan lain terhadap peniaga-peniaga yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini. Ini termasuklah keputusan penuh terhadap Cameron Highlands Floriculturists Association (CHFA) dan beberapa cadangan keputusan lain seperti MAS dan AirAsia bagi perkongsian pasaran, Megasteel Sdn. Bhd. bagi penyalahgunaan kedudukan dominan dan langkah interim terhadap beberapa syarikat lori yang membuat aktiviti penetapan harga.

Selain itu, dalam memastikan keberkesanan penguatkuasaan dan pemahaman Akta ini, MyCC turut giat menjalankan program-program advokasi secara meluas dan berterusan termasuk di Sabah dan Sarawak. Sehingga tahun 2013, MyCC telah menjalankan sebanyak 97 advokasi/sesi dialog bersama pihak industri, persatuan dan agensi Kerajaan dan program-program seumpamanya akan diteruskan lagi pada tahun 2014. Program-program advokasi ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang kewujudan dan penguatkuasaan Akta ini disamping mengalakkan pematuhan oleh para peniaga (*compliance*).